



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MAC 2024

Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat 1.6 peratus pada Mac 2024

PUTRAJAYA, 26 April 2024 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga barangan di peringkat pengeluar, meningkat 1.6 peratus pada Mac 2024 berbanding 0.3 peratus pada Februari 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MAC 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Semua sektor mencatatkan peningkatan pada Mac 2024, menyumbang kepada peningkatan indeks keseluruhan. Sektor Perlombongan naik 8.3 peratus (Februari 2024: 5.3%), disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (11.0%). Pada masa yang sama, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 5.5 peratus (Februari 2024: 6.0%), dengan indeks Penanaman tanaman kekal dan Pengeluaran ternakan masing-masing meningkat sebanyak 9.0 peratus dan 3.8 peratus. Sektor Pembuatan meningkat perlahan 0.6 peratus daripada negatif 0.7 peratus pada bulan sebelumnya disebabkan oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (6.8%) dan Pembuatan kimia dan produk kimia (1.4%). Untuk sektor utiliti, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.1 peratus dan 6.0 peratus."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 1.6 peratus berbanding 0.7 peratus pada Februari 2024 yang disumbangkan oleh kesemua sektor. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 4.3 peratus (Februari 2024: 2.6%) disebabkan oleh indeks Penanaman tanaman kekal (7.4%) dan Pengeluaran

ternakan (1.0%). Sektor Perlombongan meningkat 2.3 peratus (Februari 2024: 5.7%) dipengaruhi oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (2.3%). Selain itu, sektor Pembuatan turut meningkat 1.3 peratus selepas merekodkan tiada perubahan pada bulan sebelumnya. Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (3.7%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (1.6%) adalah antara subsektor yang mencatatkan peningkatan. Sementara itu, indeks Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing naik sebanyak 0.5 peratus dan 2.1 peratus.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 7.4 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 5.6%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan peningkatan sebanyak 8.8 peratus. Indeks Barang siap naik 1.9 peratus (Februari 2024: 1.1%), disebabkan oleh peningkatan dalam indeks Kelengkapan modal (4.0%). Sebaliknya, indeks bahan perantaraan, bekalan & komponen terus menurun dengan kadar yang lebih perlahan negatif 0.4 peratus (Februari 2024: -1.7%), disebabkan oleh indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-9.2%).”

Pada asas bulanan, semua indeks menunjukkan peningkatan pada bulan ini. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 3.2 peratus, manakala indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap masing-masing meningkat sebanyak 1.3 peratus dan 0.9 peratus.

Beliau turut menambah, “IHPR pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan 0.4 peratus pada suku pertama 2024 selepas penurunan negatif 1.0 peratus pada suku keempat 2023. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 4.9 peratus, diikuti oleh Perlombongan dan Bekalan air, masing-masing meningkat sebanyak 4.0 peratus dan 3.4 peratus. Walau bagaimanapun, sektor Pembuatan dan Bekalan elektrik & gas kedua-duanya mencatatkan penurunan negatif 0.3 peratus dan negatif 0.2 peratus. Sementara itu, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPR meningkat 0.6 peratus berbanding negatif 0.3 peratus pada suku keempat 2023.”

Perbandingan dengan negara lain menunjukkan bahawa IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.1 peratus pada bulan ini berbanding 1.6 peratus pada Februari 2024. Selain itu, kadar inflasi tahunan United Kingdom meningkat 0.6 peratus, daripada peningkatan 0.4 peratus pada Februari 2024 disebabkan oleh pengeluaran petroleum bertapis dan pengeluaran lain. IHPR Jepun meningkat 0.8 peratus berbanding kenaikan 0.7 peratus

pada bulan sebelumnya. Ia merupakan inflasi pengeluar tertinggi sejak Oktober 2023, disebabkan oleh kos yang meningkat lagi bagi kebanyakan komponen seperti logam bukan ferus, mesin & peralatan elektrik dan peralatan maklumat & komunikasi. Sementara itu, harga pengeluar China terus menyusut 2.8 peratus berbanding penurunan 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Ini menandakan penguncupan harga di pintu kilang yang kelapan belas bulan berturut-turut sejak November lalu, menunjukkan permintaan yang lemah secara berterusan di mana ekonomi memerlukan rangsangan baharu disebabkan oleh penurunan berterusan bagi perlombongan & kuari dan bahan mentah.


Bercakap mengenai harga komoditi Malaysia yang terpilih, beliau turut menyatakan bahawa, “Harga hartanah Malaysia dijangka meningkat dengan ketara pada separuh pertama 2024 berikutan cabaran peningkatan kos bahan binaan, berdasarkan Tinjauan Pasaran 2024 oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA). Menurut REHDA, setakat Disember 2023, harga purata pasir dan konkrit di Malaysia telah meningkat lebih 10 peratus tahun ke tahun. Ini menandakan bahawa kos pembinaan dijangka meningkat secara purata sebanyak 15 peratus pada separuh pertama 2024.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 26 April 2024



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
26 APRIL 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
MARCH 2024**

***Malaysia's Producer Price Index increased 1.6 per cent
in March 2024***

PUTRAJAYA, 26th April 2024 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the price changes of goods at the producer level, increased by 1.6 per cent in March 2024 as compared to 0.3 per cent in February 2024, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MARCH 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "All sectors registered an increase in March 2024, contributing to the increase of the overall index. The Mining sector inclined 8.3 per cent (February 2024: 5.3%), due to the index of Extraction of crude petroleum (11.0%). At the same time, the Agriculture, forestry & fishing sector increased by 5.5 per cent (February 2024: 6.0%), with the index of Growing of perennial crops and Animal production went up by 9.0 per cent and 3.8 per cent, respectively. The Manufacturing sector increased slightly by 0.6 per cent from a negative 0.7 per cent in the previous month due to the Manufacture of computer, electronic & optical products (6.8%) and Manufacture of chemicals and chemical products (1.4%). For the utility sector, the Electricity & gas supply and Water supply indices both went up by 0.1 per cent and 6.0 per cent, respectively."

He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production increased by 1.6 per cent as compared to 0.7 per cent in February 2024 contributed by all sectors. The Agriculture, forestry & fishing sector went up 4.3 per cent (February 2024: 2.6%) due to Growing of perennial crops (7.4%) and Animal production (1.0%) indices. The Mining sector rose by

2.3 per cent (February 2024: 5.7%) attributed to the Extraction of crude petroleum (2.3%). Besides, the Manufacturing sector also increased by 1.3 per cent after recording no changes in the previous month. Manufacture of coke & refined petroleum products (3.7%) and Manufacture of computer, electronic & optical products (1.6%) are among the subsectors which have posted an increase. Meanwhile, Electricity & gas supply and Water supply indices inclined by 0.5 per cent and 2.1 per cent, respectively.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index increased by 7.4 per cent in March 2024 (February 2024: 5.6%), with the Non-food materials index posting an increase of 8.8 per cent. The Finished goods index went up by 1.9 per cent (February 2024: 1.1%), attributed to the increase in the Capital equipment (4.0%) index. On the other hand, the Intermediate materials, supplies & components index continued to decrease at a slower rate of negative 0.4 per cent (February 2024: -1.7%), affected by the Processed fuel & lubricants (-9.2%) index.”

On a monthly basis, all indices posted an increase this month. The Crude materials for further processing edged up by 3.2 per cent, while Intermediate materials, supplies & components and Finished goods indices increased by 1.3 per cent and 0.9 per cent, respectively.

He also added that, “PPI local production recorded an increase of 0.4 per cent in the first quarter of 2024 after decrease of negative 1.0 per cent in the fourth quarter of 2023. The Agriculture, forestry & fisheries went up by 4.9 per cent, followed by Mining and Water supply sectors, which increased by 4.0 per cent and 3.4 per cent, respectively. However, Manufacturing and Electricity & gas supply both posted a decline of negative 0.3 per cent and negative 0.2 per cent, respectively. Meanwhile, quarter-on-quarter showed the PPI inched up 0.6 per cent as compared to negative 0.3 per cent in the fourth quarter of 2023.”

A comparison of selected countries showed that, the PPI of the United States of America went up by 2.1 per cent in this month as against 1.6 per cent in February 2024. Besides, the United Kingdom’s annual inflation rate rose by 0.6 per cent, up from 0.4 per cent in February 2024 due to refined petroleum products and other outputs. Japan’s PPI edged up 0.8 per cent as compared to a 0.7 per cent rise in the prior month. It was the highest producer inflation since October 2023, as cost rose further for most components, such as nonferrous metals, electrical machinery & equipment and information & communications equipment.

Meanwhile, China's producer price continued to shrink 2.8 per cent as compared to a 2.7 per cent drop in the previous month. This marked the eighteenth consecutive month of contraction in factory gate prices since last November, highlighting persistently weak demand as the economy needed fresh stimulus, linked to further drops in mining & quarrying and raw materials.

Speaking about Malaysia's current selected commodity prices, he further mentioned that, "Malaysian property prices are anticipated to grow significantly in the first half of 2024 (1H 2024) due to the challenges of rising cost of building materials, based on the Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA)'s Market Outlook for 2024. According to REHDA, as of December 2023, the average price of sand and concrete in Malaysia had increased by more than 10 per cent year-on-year. This translates into construction cost that is expected to increase on average by 15 per cent during 1H 2024."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia





Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 26th April 2024

Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

26th APRIL 2024